

09/09/1998

Pulau Pinang setia

KUALA LUMPUR, Selasa - Pergerakan Pemuda Umno Pulau Pinang petang ini memutuskan pendirian akan terus setia dan menyokong kepemimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri dan Presiden Umno.

Bagaimanapun, sembilan daripada 11 bahagian, kecuali Pemuda Umno bahagian Kepala Batas, merayu supaya bekas Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Anwar Ibrahim diterima semula sebagai ahli parti.

Keputusan itu dicapai pada mesyuarat khas Pemuda Umno negeri di sini yang dihadiri 10 Ketua Pemuda bahagian kecuali Ketua Pemuda Umno bahagian Tasik Gelugor, Nor Azman Othman, yang tidak hadir kerana urusan peribadi.

Mesyuarat itu dipengerusikan Ketua Pemuda Umno negeri, Dr Rahim Ghouse, khusus membincangkan isu pemecatan Anwar dan pendirian Pemuda Umno negeri terhadap perkara itu.

(END)